

**Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaya**

WXES 3182 : Projek Ilmiah II

**Sistem Maklumat Pergigian
(Sistem Berasaskan Web)**

Disediakan oleh
**Siti Hajar bt Othman
(WEK 990185)**

Penyelia
Puan Maizatul Akmar bt Ismail

Moderator
Encik Teh Ying Wah

Tesis ini dipersembahkan kepada Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
sebagai keperluan bagi memenuhi syarat

**SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER
UNIVERSITI MALAYA**

Abstrak

Sistem yang saya ingin bangunkan ini adalah bertujuan untuk mengautomasikan kerja-kerja pengurusan di Klinik Pergigian, Fakulti Pergigian, Universiti Malaya. Objektif utama adalah untuk menjimatkan masa untuk menguruskan rekod disamping cara simpanan yang lebih selamat. Untuk mengenalpasti keperluan sistem ini, saya telah menjalankan dua kaedah kajian iaitu melalui temuramah dan kajian sistem yang telah ada di pasaran. Didapati sistem yang telah ada ini dihasilkan oleh pengeluar dari luar negara yang mana dirasakan terlalu kehadapan daripada apa yang ada di Malaysia kini. Sistem ini dibahagikan kepada 3 aras pengguna iaitu doktor, kerani, dan pelajar Fakulti Pergigian. Sistem ini dikawal kebolehcapaiannya dengan penggunaan katalaluan. Pangkalan data akan dibangunkan dengan menggunakan Microsoft Access manakala pengkodan akan menggunakan Active Server Pages. Untuk tujuan antaramuka, Microsoft Frontpage akan digunakan disebabkan lebihan yang terdapat padanya.

Abstract

This system was implemented to make management tasks in Klinik Pergigian, Fakulti Pergigian, Universiti Malaya done automated. The main objective is to save their time and to make sure information that they have stored before safe. To identify the system requirement, I have an interview session with one of the lecturer from Fakulti Pergigian. I'm also doing survey with the system that have been in marketing. The system that in the marketing right now was very advance from us in Malaysia. Sistem Maklumat Pergigian was divided to 3 level of users. They are student, clerk and doctor. The information retrieval was control by using password. Database for this system was developed by using Microsoft Access. For coding, I used Active Server Pages as scripting language. Microsoft Front Page was used for design user interface.

Sekalung Penghargaan

Syukur terhadap Ilahi kerana dengan limpah kurnianya saya dapat menyiapkan laporan ini.

Di sini saya ingin melahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada individu serta kumpulan yang banyak membantu saya sepanjang menyiapkan laporan ini.

Pertama sekali adalah kepada penyelia saya iaitu Puan Maizatul Akmar bt Ismail kerana banyak memberi tunjuk ajar dan panduan untuk saya menyiapkan laporan ini. Beliau juga banyak memberi nasihat dan komen tentang sistem yang bakal saya bangunkan ini.

Keduanya ialah kepada Encik Teh Ying Wah selaku moderator yang turut memberi komen dan nasihat serta pandangan dalam membangunkan sistem ini.

Seterusnya ialah kepada Dr. Azhar daripada Fakulti Pergigian kerana sudi memberikan kerjasama dalam memberi maklumat yang diperlukan untuk dimuatkan dalam laporan ini seterusnya untuk sistem yang bakal dibangunkan ini.

Terima kasih juga untuk keluarga tersayang yang sangat memahami dan memberi dorongan untuk melakukan yang terbaik dalam pembangunan sistem ini.

Seterusnya ialah kepada kawan-kawan seperjuangan yang banyak memberi tunjuk ajar untuk menyiapkannya. Terima kasih juga kepada Saudara Ahmad Ridzuan Ahmad Rusli yang banyak memberi sokongan dan semangat untuk menyiapkan sistem ini sebaiknya.

Pengenalan

Bab 1: Kepujungan

Bab 2: Jadual & Gambarajah

Bab 3: Pengenalan Projek

3.1 Pengenalan

3.2 Definisi Mewujud

3.3 Motivasi Projek

3.4 Objektif Projek

3.5 Step Projek

3.6 Perindustrian

Bab 4: Kepujungan

4.1 Maklumat Mewujud?

4.2 Sistem Mewujud

4.3 Internal

4.4 Semasing Pelajaran Pergigian

Senarai Kandungan

| Kandungan | Mukasurat |
|--------------------------------|-----------|
| Abstrak | i |
| Abstract | ii |
| Penghargaan | iii |
| Senarai Kandungan | v |
| Senarai Jadual & Gambarajah | ix |
| Bab 1 Pengenalan Projek | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Definisi Masalah | 1 |
| 1.3 Motivasi Projek | 3 |
| 1.4 Objektif Projek | 4 |
| 1.5 Skop Projek | 7 |
| 1.6 Penjadualan | 9 |
| Bab 2 Kajian Literasi | |
| 2.1 Apakah Maklumat? | 10 |
| 2.2 Sistem Maklumat | 11 |
| 2.3 Internet | 13 |
| 2.4 Senibina Pelayan-Pelanggan | 18 |

| | | |
|-------|--|----|
| Bab 5 | 2.5 Apakah Pergigian? | 21 |
| | 2.6 Perkomputeran dalam Pejabat Pergigian | 23 |
| | 2.7 Sistem Pengurusan Pergigian Yang Ada | 23 |
| | Sekarang | 23 |
| | Sebelum | 24 |
| | Sistem Pengurusan Pergigian Saatini | 24 |
| | Sistem Pengurusan Pergigian dan Ratu Sepunya | 24 |
| 3.0 | Analisis & Metodologi Sistem | 24 |
| | 3.1 Pengenalan | 28 |
| | 3.2 Pendekatan Pembangunan | 29 |
| | 3.3 Prototaip | 29 |
| | 3.4 Pemilihan Kaedah Prototaip | 32 |
| | 3.6 Perisian Yang Digunakan | 33 |
| | 3.7 Perkakasan | 40 |
| Bab 4 | Rekabentuk Sistem | 41 |
| | 4.1 Gambarajah E-R | 41 |
| | 4.2 Gambarajah Aliran Data (DFD) | 41 |
| | 4.3 Rekabentuk Keseluruhan | 42 |
| | 4.4 Cadangan Antaramuka | 55 |

Bab 5 Pengimplementasian

| | |
|--|----|
| 5.1 Pengenalan | 57 |
| 5.2 Faktor-faktor yang berkaitan | 57 |
| 5.3 Kaedah pengaturcaraan | 58 |
| 5.4 Kaedah Pemprosesan Sistem | 60 |
| 5.5 Penggunaan Utiliti dan Rutin Sepunya | 60 |
| 5.6 Perlaksanaan Proses Pengaturcaraan | 61 |
| 5.7 Hasil Fasa Implementasi dan Pengaturcaraan | 62 |

Bab 6 Penilaian dan Pengujian

| | |
|-------------------------|----|
| 6.1 Pengenalan | 63 |
| 6.2 Peringkat Pengujian | 64 |

Bab 7 Masalah dan Penyelesaiannya

| | |
|---------------------------------|----|
| 7.1 Masalah dan Penyelesaiannya | 69 |
| 7.2 Cadangan | 72 |
| 7.3 Pengajaran Yang Diperolehi | 74 |
| 7.4 Kelebihan Sistem | 76 |
| 7.5 Keterbatasan Sistem | 78 |
| 7.6 Kesimpulan | 79 |

Bab 8 Rujukan

| | |
|-------------|----|
| 8.1 Rujukan | 81 |
|-------------|----|

Jadual 1 : Peraturan Sistem

Bab 9 Lampiran Laman Web

| | |
|--------------------------------|----|
| 9.1 Manual Pengguna (Kerani) | 82 |
| 9.2 Manual Pengguna (Pelajar) | 89 |
| 9.3 Manual Pengguna (Doktor) | 94 |
| 9.4 Lampiran kod untuk templat | 98 |

Senarai Jadual dan Gambarajah

Jadual 1 : Perjalanan Sistem

Rajah 1 : Contoh Laman Web

Rajah 2 : Cara Simpanan Rekod

Rajah 3 : Cara Rekod Dikendalikan

Rajah 4 : Rekabentuk Halaman Utama

Rajah 5 : Halaman Doktor / Pegawai Perubatan

Rajah 6 : Tambah Maklumat Kesihatan / Rawatan Pesakit

Rajah 7 : Carian

Rajah 8 : Edit Maklumat Kesihatan / Rawatan Pesakit

Rajah 9 : Halaman Pelajar

Rajah 10 : Papar Maklumat Kesihatan / Rawatan Peribadi

Rajah 11 : Halaman Kerani

Rajah 12 : Cadangan Antaramuka Pengguna (login)

Rajah 13 : Cadangan Halaman Untuk Masukkan Data Pesakit

Bab 1

PENGENALAN

Bab 1 Pengenalan

1.1 Pengenalan

Sistem Maklumat Pergigian yang akan saya bangunkan ini adalah dikhususkan untuk membantu Klinik Pergigian di Fakulti Pergigian, Universiti Malaya. Ianya bermula dari pendaftaran pesakit, cara menyimpan maklumat peribadi, maklumat kesihatan dan maklumat rawatan serta cara capaian dilakukan ke atas rekod yang telah disimpan.

1.2 Definisi Masalah

Sistem Maklumat Pergigian ini adalah bertujuan untuk mengubah cara pendaftaran pesakit daripada cara manual kepada sistem pendaftaran dan penyimpanan secara elektronik. Pendaftaran secara online ini bukan sahaja memudahkan malah dapat mengelakkan pembaziran kertas berlaku. Selain itu, data pesakit ini secara automatik akan direkodkan. Cara ini dapat mengelak daripada pesakit terpaksa menunggu terlalu lama untuk mendapat rawatan.

Apabila pesakit telah menerima rawatan, maklumat kesihatan dan rawatan akan direkodkan ke dalam pangkalan data. Ini berbeza sekali dengan cara menyimpan sebelum ini di mana rekod-rekod disimpan di dalam fail kertas. Cara lama bukan memerlukan banyak ruang untuk menyimpannya. Cara simpanan ini juga menyebabkan pencarian semula sukar dilakukan apabila pesakit datang untuk menerima rawatan seterusnya. Faktor inilah yang menyebabkan pesakit terpaksa menunggu lama untuk menerima rawatan.

Dengan cara storan baru ini, iaanya bukan sahaja menjimatkan ruang pejabat malah dapat mempercepatkan proses carian semula dilakukan. Cara ini lebih efisien dan dapat menjimatkan masa kakitangan perubatan untuk membuat carian. Ini juga dapat menjimatkan guna tenaga kakitangan di mana semua urusan boleh dilakukan pada satu tempat / terminal. Ini adalah kerana sistem ini akan menggunakan enjin pencarian elektronik. Apa sahaja maklumat yang disimpan sebelum ini boleh dicapai dengan mudah dan pantas.

Dari segi keselamatan data, sistem baru ini dapat elakkan data pesakit dari dilihat oleh orang yang tidak sepatutnya. Ini adalah dengan penggunaan ciri-ciri keselamatan katalaluan. Penggunaannya dapat elakkan daripada orang luar atau kakitangan yang tidak berkenaan daripada melihat rekod pesakit.

1.3 Motivasi Projek

Sistem Maklumat Pergigian ini adalah untuk membantu kakitangan untuk menguruskan pendaftaran serta rawatan pesakit agar lebih cepat. Ini untuk mengatasi masalah pembaziran masa.

Ianya untuk menggantikan sistem lama yang kurang efisien kerana cara penyimpannya kurang ciri keselamatan.

Dengan sistem ini juga, pengetahuan tentang sistem atas talian dapat ditingkatkan

1.4 Objektif Projek

Projek yang ingin saya bangunkan ini mempunyai beberapa objektif iaitu:

1. Mengurangkan masa untuk mencari dan menguruskan rekod pesakit.

Cara simpanan baru ini akan memudahkan carian dilakukan ke atas rekod. Ini akan memudahkan kerja kerani pendaftaran kerana beliau tidak perlu merujuk kepada fail-fail kertas yang disimpan dalam bilik khas untuk mendapatkan data. Carian hanya akan dilakukan pada terminal komputer tersebut. Dengan tidak memerlukan pergerakan yang lebih, rekod tersebut boleh dicapai dengan mudah. Maka dengan ini, pesakit tersebut dapat menerima rawatan dengan lebih cepat.

2. Memudahkan untuk edit dan tambah rekod pesakit.

Dalam cara lama, maklumat yang telah ada adalah sukar untuk diedit kerana ianya ditulis pada kertas. Apabila maklumat ini diedit, ianya akan meninggalkan kesan yang kurang menyenangkan. Dengan sistem baru ini, maklumat tersebut lebih mudah diedit dan bersih. Untuk menambah rekod pula, kerani tersebut hanya perlu pergi ke bahagian tambah pesakit dalam halaman yang disediakan tanpa perlu meminta pesakit untuk mengisi borang kertas.

3. Meningkatkan tahap keselamatan dan kerahsiaan rekod pesakit.

Dengan menggunakan sistem berkomputer ini, masalah dari segi keselamatan data dapat dielakkan kerana terdapat banyak cara untuk mengelak daripada data dicerobohi.

4. Mengelak pesakit daripada menunggu terlalu lama untuk menerima rawatan.

Masalah yang selalu kita dengar adalah terpaksa menunggu terlalu lama untuk menerima rawatan. Ini menyebabkan masa mereka terbazir untuk menunggu. Dengan cara baru ini, diharapkan masalah ini dapat diatasi.

2. Kegunaan sistem

Untuk transaksi harian, tanpa mengira berapa kerja ia ada :

1. Perkataan pesakit
2. Tambah pesakit
3. Edit maklumat perbaikan
4. Tambah maklumat maklumat pesakit
5. Edit maklumat kelebihan pesakit
6. Tambah maklumat rawatan
7. Edit maklumat rawatan

1.5 Skop Projek

Projek ini dikhkususkan kegunaannya hanya kepada doktor, pegawai perubatan, kerani dan pelajar Fakulti Pergigian, Universiti Malaya.

Ianya terbahagi kepada 2 bahagian utama iaitu:

1. Transaksi harian
2. Kegunaan administrator

Untuk transaksi harian., ianya meliputi beberapa perkara iaitu :

1. Pendaftaran pesakit
2. Tambah pesakit
3. Edit maklumat peribadi pesakit
4. Tambah maklumat kesihatan pesakit
5. Edit maklumat kesihatan pesakit
6. Tambah maklumat rawatan
7. Edit maklumat rawatan

Bagi pihak administrator pula, ianya lebih tertumpu kepada "back end".

Ianya adalah :

1. Kawalan capaian
2. Tambah pengguna

1.6 Penjadualan

| Bulan | Jun | | | | Julai | | | | Ogos | | | | Sept | | | | Nov | | | | Dis | | | | Jan | | | | Feb | | | |
|-------------------|-----|---|---|---|-------|---|---|---|------|---|---|---|------|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|-----|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| Minggu | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 | 1 | 2 | 3 | 4 |
| Kajian Proposal | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Kajian Literasi | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Analisis Sistem | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Rekabentuk Sistem | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pengkodan Sistem | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pengujian Sistem | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Dokumentasi | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

Jadual 1 : Perjalanan Sistem

Bab 2

KAJIAN LITERASI

Bab 2 Kajian Literasi

2.1 Apakah Maklumat ?

Maklumat adalah data yang telah ditukar kepada konteks yang bermakna dan berguna. Maklumat melibatkan komunikasi dan penerimaan bagi kepintaran atau pengetahuan. Maklumat mengandungi data, imej, teks, dokumen dan suara.

Data yang diproses boleh sebagai input, simpanan atau kedudunya. Data diproses melalui model tertentu untuk mencipta maklumat. Penerima menerima maklumat dan mereka akan membuat keputusan dan seterusnya mengambil tindakan yang sepatutnya.

2.2.3 Blok Output

Ini adalah hasil bagi sebarang sistem maklumat. Output adalah hasil yang mempengaruhi semua tindakan input dan output adalah berterikat antara satu sama lain.

2.2 Sistem Maklumat

Semua sistem maklumat dibangunkan daripada enam blok utama iaitu input, model, output, teknologi, pangkalan data dan kawalan.

2.2.1 Blok Input

Input meliputi semua data, teks, suara dan imej yang wujud dalam sistem maklumat. Input mengandungi transaksi, permintaaan, pertanyaan, arahan dan pesanan.

2.2.2 Blok Model

Mengandungi model “logical-mathematical” yang mana memanipulasikan input dan menyimpan data untuk mengeluarkan output iaitu keputusan yang dikehendaki.

2.2.3 Blok Output

ialah hasil bagi sesuatu sistem maklumat. Output adalah blok yang mempengaruhi semua blok lain. Input dan output adalah berinteraktif antara satu sama lain.

2.2.4 Blok Teknologi

Blok teknologi “capture” input, mengawal blok model, storan dan capaian data. Ianya juga mengeluarkan dan memindahkan output serta menolong mengawal keseluruhan sistem. Teknologi mengandungi tiga komponen utama iaitu ; komputer, storan dan telekomunikasi.

2.2.5 Blok Pangkalan Data

Ianya adalah di mana semua data yang diperlukan untuk melayan permintaan dan keperluan pengguna disimpan.

2.2.6 Blok Kawalan

Ianya direka di dalam sistem untuk memastikan kawalan, integriti dan kelancaran operasi yang dijalankan ke atas data.

2.3 Internet

2.3.1 Pengenalan Internet

Tujuan utama ianya direka adalah untuk kegunaan menjalankan kajian bagi "Department of Defence". Ianya adalah rangkaian komputer yang dibina daripada banyak rangkaian lain.

Pada 1998, internet mempunyai lebih daripada 100 juta pengguna dan jumlah ini meningkat dengan pantasnya. Lebih daripada 100 negara telah dihubungkan untuk bertukar-tukar data, berita dan pendapat / pandangan. Komputer-komputer yang berbeza telah dihubungkan kepada internet boleh berkomunikasi antara satu sama lain menggunakan TCP/IP. Ini termasuklah rangkaian persekutuan, regional networks, pendidikan dan beberapa rangkaian luar. Sambungan antara rangkaian yang berbeza dikenali sebagai "gateways". "Gateways" ini berfungsi untuk memindahkan data elektronik dalam world wide.

Komputer hos adalah komputer yang dihubungkan kepada internet. Ianya mempunyai alamat IP yang unik untuk berkomunikasi

dengan lain-lain komputer dalam internet. Tidak seperti servis atas talian, yang mana dikawal secara berpusat, internet adalah tidak dikawal secara berpusat. Setiap komputer internet adalah dengan sendirinya dipanggil hos. Pengoperatornya boleh memilih mana-mana perkhidmatan internet untuk membolehkannya bersedia kepada komuniti internet global. Terdapat banyak cara untuk masuk ke internet, contohnya America Online. Selain itu, pengguna juga boleh masuk melalui "Internet Service Provider" komersial yang lain.

2.3.2 Kegunaan Utama Internet

Internet meningkatkan kebolehan untuk aplikasi dengan menyediakan rangkaian sedia ada untuk ahli perniagaan. Pengguna dikatakan atas talian apabila beliau dihubungkan kepada komputer lain (atau rangkaian) dan mampu untuk bertukar-tukar data atau maklumat. Pelbagai jenis organisasi atau perseorangan seperti organisasi perniagaan, agensi kerajaan, universiti, kolej, institusi penyelidikan dan individu menyediakan maklumat dalam internet.

Kegunaan utama internet adalah untuk melakukan penyelidikan, download perisian, pendidikan, perniagaan, teleperubatan, hiburan,

hantar e-mail, IRC (Internet Relay Chat), kumpulan berita dan menyediakan maklumat.

2.3.3 World Wide Web

World Wide Web dibangunkan antara 1989-1991 apabila Conseil European Pour la Recherche Nucleaire (CERN) European Laboratory untuk Particle Physics di Geneva, Switzerland untuk membangunkan konsep asas perkongsian maklumat melalui kegunaan bagi antaramuka yang universal dan konsisten. Web adalah perkhidmatan yang paling popular di internet. Web menyediakan cara alternatif untuk memindahkan pelbagai jenis maklumat termasuklah teks, grafik, imej, video dan lain-lain.

2.3.4 Komponen Aplikasi Berasaskan Web

Membangunkan aplikasi berasaskan web bergantung kepada banyak komponen rangkaian dan aplikasi yang bekerja bersama untuk menghantar maklumat kepada klien yang membuat permintaan.

2.3.5 Web Browser

Ianya adalah program klien (aplikasi) yang digunakan untuk mencari maklumat yang disediakan oleh pelayan yang spesifik. Pelayar (browser) menolong pengguna untuk melihat dan melayari maklumat pada internet. Pelayar pertama untuk web adalah Mosaic. Pelayar ini dibangunkan oleh Mark Andressen pada 1993. Penciptaan ini menyebabkan internet lebih mudah dicapai. Web browser menyediakan antaramuka grafik dan berdasarkan teks kepada pelayan web. Pendekatan ini menyediakan antaramuka antara pengguna dan pelayan web. Web browser ini menukarkan maklumat yang diminta oleh klien kepada antaramuka pengguna grafikal. Ia juga bertanggungjawab untuk menghantar permintaan klien dalam bentuk Hypertext Markup Language (HTTP) kepada pelayan web.

2.3.6 Pelayan Web

Pelayan web bertanggungjawab untuk menghantar HTML kepada browser klien yang meminta maklumat. Apabila web browser mencuba untuk mencapai maklumat yang disimpan dalam pangkalan data, pelayan pelanggan berfungsi sebagai klien kepada pelayan pangkalan data. Pelayan web menerima permintaan daripada browser dan kemudian memberikan permintaan itu kepada pelayan pangkalan data. Selain itu, pelayan web juga menformatkan keputusan kepada HTML dan menghantar keputusan itu kembali kepada browser.

2.3.7 Pelayan Pangkalan Data

Pelayan pangkalan data ini amat penting dalam pembangunan aplikasi internet. Ianya boleh digunakan untuk menyimpan dan menerima maklumat yang disimpan di dalam pangkalan data. Pangkalan data dihubungkan kepada pelayan web, bukannya web browser.

2.4 Senibina Pelayan-Pelanggan

2.4.1 Komputer Stand-Alone

Komputer stand-alone merupakan komputer pelanggan berdasarkan perintah yang lanya adalah komputer yang tidak dihubungkan kepada komputer lain, tidak dikongsi dengan komputer lain. Harddisks, pencetak dan lain-lain perkakasan yang disambung kepada komputer stand-alone hanya boleh digunakan oleh komputer yang disambungkan kepadanya dan tidak boleh dicapai oleh komputer lain.

2.4.2 Rangkaian

Dua atau lebih komputer disambungkan bersama untuk berkongsi data, perkakasan dan perisian yang bersambungan dipanggil rangkaian komputer. Komputer-komputer ini berkomunikasi antara satu sama lain dengan menggunakan kabel rangkaian yang menghubungkan komputer dan perkakasan yang direka khas.

2.4.3 Pelayan Pelanggan

Komputer di dalam rangkaian boleh berfungsi sama ada sebagai komputer pelayan atau komputer pelanggan berdasarkan peranan yang dilakukannya. Selalunya, sumber-sumber (data, program dan perkakasan) yang akan dikongsi disimpan pada satu komputer khas. Komputer lain dalam rangkaian boleh capai ke komputer ini untuk menggunakan sumbernya. Komputer yang melayan permintaan komputer lain dipanggil komputer pelayan manakala komputer lain yang membuat permintaan dipanggil komputer pelanggan. Susunan tugas ini dan tanggungjawab bagi setiap komputer ini dipanggil senibina pelayan-pelanggan.

2.4.4 Perkomputeran Pelayan Pelanggan

Perkomputeran ini menyediakan paradigma baru untuk pemprosesan maklumat yang memudahkan usahasama dan perkongsian maklumat melalui sistem dan organisasi. Perkomputeran pelayan-pelanggan ini memecahkan aplikasi kepada tugas-tugas kecil dan meletakkan setiap tugas pada platform di mana ianya boleh dikawal / diuruskan dengan berkesan. Hasil meletakkan proses ini untuk

persembahan kepada mesin pelanggan dan pengurusan data dan penstoran pada pelanggan.

Semua pemprosesan data boleh berlaku pada pelanggan atau dipecahkan kepada pelayan dan pelanggan bergantung kepada aplikasi dan perisian yang digunakan. Pelayan dihubungkan kepada pelanggan melalui rangkaian. Perisian pelayan menerima data daripada pelanggan dan memulangkan keputusan kepada pelanggaan. Pelanggan akan memanipulasikan data dan mempersebahkan keputusan tersebut kepada pengguna.

2.5.1 Kepakaran Pergigian

Pada dasarnya sama dengan lajih yang sama. Ada juga kesenangan orang yang suka untuk menumpahkan perhatian kepada satu bidang yang dia sukai. Antaranya ialah:

2.5.1.1 Konseling

Antara bidang yang paling penting dan banyak labuh kepada melakukan diagности dan merawat culat dari patologi penepikai.

2.5 Apakah Pergigian ?

Pergigian adalah “healing science” dan seni bertumpu kepada embriologi, anatomi, fisiologi dan patologi bagi kompleks “oral-facial” (termasuk gigi) dan dengan pencegahan, diagnosis dan rawatan bagi “deformities”, “pathoses” dan kecederaan trauma bagi kompleks ini.

Doktor gigi pula ialah seseorang yang bertugas untuk membersihkan, ekstrak atau membaiki gigi semulajadi dan membuat serta menggantikan dengan gigi buatan.

2.5.1 Kepakaran Pergigian

Pada asasnya semua diberi latihan yang sama. Ada juga sesetengah orang yang memilih untuk menumpukan perhatian kepada satu bidang yang khusus. Anataranya ialah:

2.5.1.1 Edodontics

Adalah bidang yang paling baru. Ianya labih kepada melakukan diagnosis dan merawat pulpal dan patologi periapikal.

2.5.1.2 Oral Pathologist

Menguji tisu yang disyaki tidak normal atau “pathologic”. Mereka menguji tisu dan membuat interpretasi ke atas keadaan tidak normal tersebut.

2.5.1.3 Oral and Maxillofacial Surgery

Berurusan dengan keadaan tidak normal pada muka

2.5.1.4 Pediatric Dentistry

Mengajar penjagaan gigi untuk kanak-kanak sejak dilahirkan.

2.6 Perkomputeran Dalam Pejabat Pergigian

Perkomputeran yang ada di dalam pejabat pergigian akan membenarkan kakitangan untuk melakukan kerja dengan lebih baik dan dapat meningkatkan tahap pengurusan.

Kebanyakan yang ada sekarang adalah bertujuan untuk mengawal kewangan, menyimpan rekod rawatan, membuat bil-bil dan tujuan pendidikan kepada pesakit.

2.7 Sistem Pengurusan Pergigian Yang Ada Sekarang

Untuk mengenalpasti keperluan sistem ini, saya telah menjalankan dua kaedah kajian iaitu melalui temuramah dan kajian daripada sistem yang telah ada melaui Internet.

Saya telah menemuramah salah seorang doktor di Fakulti Pergigian iaitu Dr. Azhar. Beliau memberi sedikit sebanyak maklumat tentang sistem pengurusan yang ada di Fakulti Pergigian sekarang.


Semuanya adalah berdasarkan kertas dan tiada simpanan secara elektronik dilakukan..

Majoriti daripada halaman web yang berkaitan dengan pergigian yang ada sekarang pula lebih tertumpu kepada halaman web bagi institusi pendidikan yang berkaitan dengan kursus pergigian. Ia mengandungi jenis kursus yang ditawarkan serta faedah-faedah yang boleh diperolehi daripadanya.


Selain itu, terdapat juga halaman yang menyediakan kemudahan untuk mencari doktor serta “physicians” . Ruangan ini juga membenarkan pesakit untuk mengemukakan soalan kepada doktor yang ada. Contoh halaman web menyediakan kemudahan ini adalah www.locateadoc.com, www.E-Dental.com, www.dentalsurgeon.com.

Terdapat juga halaman web yang menyediakan perisian untuk mengautomasikan kerja-kerja pengurusan di pejabat / klinik pergigian. Antaranya ialah www.dental.com dan www.ace-dental.com. Halaman ini menyediakan perisian untuk mengautomasikan kerja-kerja seperti pembayaran bil, simpanan rekod, kemudahan mencetak dan lain-lain.


Berikut adalah contoh laman web yang berkaitan dengan sistem maklumat pergigian.



Rajah 1 : Laman web yang memaparkan perisian untuk automasikan pengurusan pergigian



Rajah 2: Cara simpanan rekod yang digunakan



Rajah 3: Cara rekod dikendalikan

Bab 3

ANALISIS & METODOLOGI SISTEM

Bab 3 Analisis dan Metodologi Sistem

3.1 Pengenalan

Memodelkan projek pembangunan sistem adalah bertujuan untuk melihat kemajuan pembangunan sistem itu dan sejauh mana kemajuan telah dicapai. Ianya juga dapat memberikan pemahaman kepada pembangun sistem tentang aktiviti-aktiviti, sumber-sumber dan kekangan yang dihadapi semasa membangunkan sistem tersebut. Selain itu, perkara-perkara seperti ketidakkonsistenan, pertindanan serta perkara-perkara lain yang terabai turut dikenalpasti.

Pemilihan model haruslah disesuaikan dengan sistem yang ingin dibangunkan bagi mencapai sasaran pembangun sistem dan menghasilkan sistem yang berkualiti tinggi. Model juga perlulah dapat mengesan kesilapan atau ralat dengan cepat dan dibangunkan tanpa melebihi belanjawan yang telah ditetapkan.

3.2 Pendekatan Pembangunan

Sistem ini akan dibangunkan dengan berpandukan model prototaip. Model ini dipilih kerana ia dapat menentukan bagaimana keadaaan sesuatu sistem beroperasi dan membenarkan semua atau bahagian-bahagian tertentu dalam sistem dibina dengan cepat bagi memahami dan menjelaskan isu-isu yang timbul semasa perlaksanaan. Model ini juga adalah untuk mengurangkan risiko dan ketidakpastian dalam pembinaan sistem.

3.3 Protopaip

Terdapat tiga kaedah bagi model jenis ini. Ianya adalah :

3.3.1 Kaedah prototaip “evalutionary” atau “rapid”

Sejenis kaedah di mana prototaip tidak akan disingkirkan tetapi digunakan sebagai rujukan asas bagi fasa rekabentuk seterusnya. Semua fasa terlibat dari awal pembangunan sehingga peringkat akhir pembangunan sistem paling sesuai bagi sesuatu sistem yang berinteraksi secara terus dengan pengguna kerana ia mementingkan

kehendak dan kepuasan pengguna. Ianya juga menitikberatkan kepakaran pengguna di mana mereka boleh mencuba prorotaip tersebut maka maklum balas diperlukan untuk menghasilkan sistem yang lebih baik.

3.3.2 Kaedah prototaip “throw away”

Prototaip akan dibina dan diuji. Pengetahuan rekabentuk dari perbincangan akan digunakan untuk membangunkan sistem akhir tetapi prototaip itu sendiri akan disingkirkan.

3.3.3 Kaedah prototaip “incremental”

Ianya menggabungkan kaedah prototaip “evalutionary” dan “throw away”. Sistem ini adalah secara berasingan dalam tempoh masa yang berlainan. Kaedah ini boleh mewujudkan satu rekabentuk untuk keseluruhan sistem tetapi dibangunkan dalam bahagian-bahagian kecil.

Kelebihan

Kaedah prototaip cepat dibina, senang difahami dan menepati keperluan pengguna. Ia juga asas kepada pembangunan sistem yang berkualiti. Kaedah ini bersesuaian dengan persekitaran sistem yang sentiasa berubah dengan cepat. Sekiranya terdapat sebarang perubahan atau kesilapan pada satu fasa, ia boleh dikembalikan semula bagi memperbaiki segala kesilapan.

Kelemahan

Pengguna dan penganalisa menganggap prototaip sebagai sistem sebenar walaupun ianya masih banyak lagi kekurangan. Selain itu, prototaip juga sukar dikendalikan bagi projek-projek besar dan mengadungi sistem yang banyak.

3.4 Pemilihan Kaedah Prototaip

Sistem ini akan dibangunkan dengan menggunakan prototaip “rapid” kerana :

- i) Menitikberatkan keperluan pengguna di mana mereka boleh mencuba prototaip tersebut, maka maklumbalas diperlukan untuk menghasilkan sistem yang lebih baik.
- ii) Spesifikasikan sistem yang dibangunkan adalah mengikut keperluan sistem sahaja
- iii) Sesetengah rekabentuk dibangunkan adalah dibangunkan semasa pembangunan prototaip.
- iv) Perlaksanaan adalah berdasarkan kepada model yang berfungsi sahaja.

3.5 Perisian Yang Digunakan

3.5.1 Active Server Pages

Digunakan untuk memasukkan script secara terus ke dalam fail HTML. Pembangunan HTML dan pembangunan script menjadi proses yang selamat, membenarkan pengguna untuk fokus secara langsung kepada teknologi halaman web dan menggunakan elemen dinamik terhadap halaman. Antara aplikasi ASP adalah :

- i) Diintegrasikan lengkap dengan fail HTML
- ii) Mudah untuk reka, tanpa “compiling” secara manual atau menghubungkan program yang diperlukan
- iii) Berorientasikan objek dan dilengkapkan dengan komponen pelayan ActiveX

ASP membenarkan penyedia web untuk menyediakan aplikasi perniagaan yang interaktif yang lebih baik dari kandungan yang dicetak. ASP dilengkapkan dengan pelayan bagi komponen Active Server. Komponen yang biasa adalah ActiveX Data Object atau ADO. Bentuk ADO adalah teras bagi persekitaran pelayan-pelanggan ASP dan boleh digunakan sebagai “bar” bagi aplikasi web.

Aplikasi ASP adalah mudah untuk dibangunkan. Skrip ASP digunakan untuk membangunkan mereka. Dengan penskripan ASP, apa-apa bahasa penskripan dengan mana-mana enjin penskripan boleh digunakan. ASP menyediakan enjin untuk Microsoft Visual Basic Scripting Edition (VB Script) dan Java Script. Pengguna boleh menghubungkan fungsian yang sofistikated menggunakan komponen server ActiveX, yang mana lebih dikenali sebagai pelayan pengautomasian, untuk proses data dan menghasilkan maklumat yang berguna. ASP menghasilkan kandungan yang sesuai dengan "web browser" yang biasa digunakan.

Bagi persekitaran penskripan pihak pelayan, ASP boleh digunakan untuk mencipta dan aplikasi pelayan web yang dinamik, interaktif dan "high performance". ASP adalah halaman web yang berprogram yang mana menggabungkan HTML, menulis dan membaca pangkalan data ODBC dan lain-lain servis tanpa menggunakan alatan seperti JavaScript, VBScript dan ActiveX. Apabila skrip dijalankan pada pelayan, pelayan web akan melakukan semua kerja yang terlibat dalam menghasilkan halaman HTML yang mana akan dihantar kepada "browser".

Berikut adalah pelayan web yang boleh menyokong Active Server

Pages :

- i) Microsoft Internet Information Server (IIS) version 3.0 dan ke atas pada Windows NT Server
- ii) Microsoft Peer Web Services Version 3.0 pada Windows NT workstation
- iii) Microsoft Personal Web Server on Windows 95

3.5.2 Java Script

Java Script adalah bahasa penskriptan oleh Netscape yang digunakan untuk membangunkan aplikasi internet pelayan dan pelanggan. Netscape Navigator boleh membaca pernyataan Java Script di dalam halaman HTML. Apabila navigator membuat permintaan contohnya halaman, pelayan akan menghantar kandungan penuh bagi dokumen, termasuk pernyataan HTML dan Java Script, melalui rangkaian kepada pelanggan. Navigator kemudiannya akan memaparkan HTML dan memproses Java Script, menghasilkan keputusan yang pengguna lihat.

Bagi pihak pelanggan, Java Script boleh memeberi tindak balas terhadap apa yang dilakukan oleh pengguna, contohnya “mouse click”, masukan borang dan navigasi halaman. Java Script mempunyai model berasaskan objek yang ringkas yang masih menyediakan kebolehan tertentu. Java Script juga menyokong fungsian tanpa memerlukan apa-apa pengisytiharan yang khas.

3.5.3 Microsoft Access 97

pangkalan data dan dihubungkan kepada pelayan/mingkalan.

Ini adalah sistem pengurusan pangkalan data yang digunakan untuk mencipta dan menguruskan pangkalan data. Dengan menggunakan “ODBC Driver” untuk Access, data boleh dicapai daripada pangkalan data sistem pelayan/pelanggan. Access 97 membenarkan pengguna untuk menghasilkan, analisis dan mencipta laporan dalam masa yang singkat. Ianya juga mengintegrasikan kemudahan daripada titik masukan data kepada mencetak dalam bentuk HTML.

Microsoft Access 97 menyediakan beberapa kemudahan. Antaranya ialah :

- i) Sediakan keperluan pangkalan data dan pangkalan data terbuka

Pengguna boleh “compact” pangkalan data dan membaiki “subcommands” pada pangkalan data masa kini.

- ii) “Splitter wizard” pangkalan data
Aplikasi “frontend/backend” mengandungi dua fail pangkalan data. Fail pangkalan data “Backend” mengandungi jadual. Fail

pangkalan data “Frontend” pula mengandungi objek pangkalan data dan dihubungkan kepada pelayan rangkaian. Salinan pangkalan data “frontend” diinstall pada komputer pengguna individu. “Splitter wizard” pangkalan data mereka aplikasi “frontend” dan “backend”, memisahkan pangkalan data kepada “backend” yang mengandungi data dan “frontend” yang mengandungi semua objek dan dihubungkan kepada jadual pada “backend”.

- iii) “Wizard” pangkalan data lanya boleh mencipta pelbagai pangkalan data yang lengkap untuk tugas-tugas daripada inventori ke pengurusan. Pengguna kemudiannya boleh menambah data mereka sendiri.
- iv) Tips of the Day lanya memberikan maklumat baru tentang fungsian yang terdapat dalam Access. Ianya juga bertugas untuk mengingatkan pengguna tentang cara yang lebih cepat untuk berkerja dengan pangkalan data.

v) Pangkalan Data

Pengguna boleh melihat, menukar dan “define” pangkalan data seperti tajuk, objek, penulis dan tarikh untuk digunakan bagi tujuan meletakkan dan mengenalpasti pangkalan data.

3.5.3 Personal Web Server

3.5.4 Microsoft Word 97

Digunakan untuk tujuan pendokumentasian.

3.5.5 Microsoft Excel

Kemudahan yang disediakan untuk mencipta jadual dengan lebih mudah akan digunakan untuk tujuan pendokumentasian.

3.5.6 Microsoft Visual Interdev

Dengan menggunakan perisian ini, pengkodan ASP lebih mudah dilakukan. Ini kerana kemudahan yang terdapat padanya akan memberikan idea kepada pengguna yang akan menjalankan pengkodan. Selain itu, jika terdapat kesalahan pada pengkodan, ralat ini dapat dilihat dengan jelas pada perbezaan warna tulisan pada kod yang tertulis. Maka, ralat tersebut boleh dibetulkan dengan mudah.

3.5.7 Frontpage

Perisian ini akan memudahkan kerja mereka antaramuka dilakukan. Ini kerana kerja-kerja ubahsuai lebih mudah dilakukan dengannya.

3.5.8 Personal Web Server

Perisian ini membenarkan komputer tersebut berperanan sebagai pelanggan dan pada masa yang sama bertindak sebagai pelayan. Dengan perisian ini, sistem yang dibangunkan boleh diuji dan dikesan ralatnya.

3.6 Perkakasan

Monitor 14"

32MB ingatan RAM

2 MB Display VGA

Pemproses Pentium 133 MHz

Tetikus

Papan kekunci

CD-ROM

Modem 56 Kbp/s

Bab 4

REKABENTUK SISTEM

Bab 4 Rekabentuk Sistem

4.1 Gambarajah E-R

Gambarajah E-R mengidentifikasi entiti-entiti perwakilan dalam sesuatu sistem dan hubungan di antara entiti-entiti tersebut. Ia digunakan dalam model E-R untuk mempersembahkan skema konseptual yang bebas daripada sistem pengurusan pangkalan data.

4.2 Gambarajah Aliran Data (DFD)

Gambarajah aliran data merupakan perwakilan grafik bagi sistem perisian komputer yang dapat menunjukkan punca data, lubuk data, storan data, proses yang dilakukan kepada data dan aliran logik data di antara nod-nod data. Ia adalah perkasaki geafik yang menyatakan pengaliran data dalam sesuatu sistem di mana ia menerangkan proses-proses tanpa menekankan keterperincian sistem.

DFD adalah teknik yang berkesan kerana ia menerangkan apa yang pengguna buat daripada apa yang komputer lakukan.


4.3 Rekabentuk Keseluruhan

Sistem Maklumat Pergigian ini mengandungi beberapa halaman mengikut jenis capaian pengguna. Halaman tersebut adalah:

1. Halaman Utama (Login)
2. Halaman Kerani / Pendaftar
3. Halaman Doktor / Pegawai Perubatan
4. Halaman Carian
5. Halaman Tambah Rekod Peribadi Pesakit
6. Halaman Tambah Rekod Rawatan Pesakit
7. Halaman Tambah/Edit Rekod Kesihatan Pesakit
8. Halaman Edit Rekod Peribadi Pesakit
9. Halaman Papar Rekod Kesihatan Pesakit
10. Halaman Papar Rekod Rawatan Pesakit

Setiap halaman ini mempunyai kepentingan yang tersendiri Berikut adalah penerangan bagi kepentingan setiap halaman.

7. Halaman Utama (Login)

**Rajah 4: Rekabentuk Halaman Utama**

1. Halaman Utama (Login)

Halaman ini adalah untuk menghalang pengguna yang tidak sah membuat capaian ke atas rekod yang terdapat di dalam sistem. Ini adalah demi menjaga kerahsiaan dan keselamatan maklumat pesakit tersebut. Halaman ini akan menetukan tahap capaian pengguna berdasarkan penggunaan katalaluan yang khas yang telah ditetapkan terlebih dahulu. Paparan halaman berikutnya bagi setiap tahap pengguna dikenalpasti kerana setiap tahap pengguna mempunyai tahap capaian yang berbeza seperimana yang telah diterangkan dalam pengenalan jenis latihan sebelum ini.

2. Halaman Pendaftar / Kerani

Ini adalah halaman yang dikhaskan untuk kegunaan pendaftar/kerani. Pada halaman ini, pendaftar boleh membuat carian (bagi pesakit lama) dan tambah rekod pesakit (pesakit baru). Carian boleh di buat melalui tiga cara iaitu nama pesakit, nombor kad pengenalan pesakit dan nombor pendaftaran pesakit.

3. Halaman Doktor/Pegawai Perubatan

Di halaman ini, doktor/pegawai perubatan boleh membuat carian atas rekod pesakit yang telah mendaftar untuk mendapatkan rawatan. Carian boleh di buat melalui tiga cara iaitu nama pesakit, nombor kad pengenalan pesakit dan nombor pendaftaran pesakit.

4. Halaman Carian

Halaman carian bagi pelajar Fakulti Pergigian sahaja. Carian boleh di buat melalui tiga cara yang sama seperti di atas.

5. Halaman Tambah Rekod Peribadi Pesakit

Hanya pendaftar boleh mencapai halaman ini di mana beliau akan menambah rekod peribadi pesakit baru ke dalam pangkalan data.

6. Halaman Tambah Rekod Rawatan Pesakit

Apabila seseorang pesakit datang untuk membuat rawatan, doktor akan menggunakan halaman ini untuk menambah maklumat rawatan yang telah dilakukan pada hari tersebut.

7. Halaman Tambah/Edit Maklumat Kesihatan

Untuk menerima rawatan , segala maklumat kesihatan pesakit akan diambil terlebih dahulu dan akan menggunakan halaman ini untuk di simpan dalam pangkalan data. Untuk pesakit lama, jika terdapat perubahan, doktor akan kemaskini data tersebut.

8. Halaman Keamskini Rekod Peribadi Pesakit


Halaman ini adalah untuk kegunaan pendaftar sahaja bagi mengemaskini rekod peribadi pesakit lama jika ada perubahan pada maklumat yang terkandung dalamnya.

9. Halaman Papar Rekod Kesihatan Pesakit


Halaman ini hanya aktif untuk doktor dan pelajar sahaja. Ianya adalah untuk memaparkan maklumat kesihatan pesakit. Segala sejarah perubatan pesakit dipaparkan di halaman ini seperitimana yang terkandung dalam pangkalan data.

10. Halaman Papar Rekod Rawatan Pesakit


Halaman ini juga seperti di atas, hanya terhad kepada doktor dan pelajar. Halaman ini akan dipaparkan mengikut tarikh rawatan spesifik yang dipilih pada halaman keputusan carian (maklumat penuh).




Rajah 5: Halaman Doktor / Pegawai Perubatan




Rajah 6 : Tambah Maklumat Kesihatan / Rawatan Pesakit



Rajah 7 : Carian




Rajah 8 : Edit Maklumat Kesihatan / Rawatan Pesakit




Rajah 9 : Halaman Pelajar

Rajah 10 : Papar Maklumat Kesihatan / Rawatan / Peribadi




Rajah 10 : Papar Maklumat Kesihatan / Rawatan / Peribadi




Rajah 11 : Halaman Kerani

4.4 Cadangan antaramuka pengguna



Rajah 12 : Cadangan halaman utama - login



Rajah 13 : Cadangan halaman untuk masukkan data pesakit

Bab 5

IMPLEMENTASI SISTEM

Bab 5 Pengimplementasian

Isi kandungan ini merujuk kepada pengaturcaraan dan

5.1 Pendahuluan

Bab ini menerangkan proses implementasi dan pengaturcaraan sistem. Proses ini menterjemahkan logik-logik setiap spesifikasi aturcara yang telah disediakan semasa peringkat rekabentuk sistem ke bentuk kod-kod arahan dalam bahasa pengaturcaraan yang dipilih.

Antara aktiviti-aktiviti yang terlibat dalam proses implementasi dan pengaturcaraan ini adalah penghasilan modul-modul aturcara yang dapat dikompilasi oleh pelayan dan dapat dilarikan dengan baik.

5.2 Faktor-faktor yang berkaitan

Pada peringkat ini, faktor yang diambil kira adalah struktur sistem itu sendiri. Bagi Sistem Maklumat Pergigian ini, modul adalah banyak tentang templat untuk memasukkan data mengenai pesakit ke dalam pangkalan data. Selain itu, terdapat juga modul untuk mencapai kembali maklumat pesakit dengan menggunakan enjin pencarian yang mana

lebih efektif dan pantas. Modul ini memerlukan kerja pengaturcaraan dan logik yang lebih berbanding modul-modul lain.

5.3 Kaedah pengaturcaraan

Fungsi-fungsi yang terdapat dalam sistem ini dibentuk berasaskan persamaan logik, keperluan data dan jujukan fungsi. Konsep gandingan akan menghasilkan aturcara bermodul manakala konsep ikatan akan menghasilkan aturcara-aturcara berstruktur.

5.3.1 Pengaturcaraan Bermodul

